

Ali Syariati: pemikiran dan gagasannya tentang konsep Rausyanfikir

ABSTRACT

Rausyanfikir adalah refleksi daripada golongan intelektual berkenaan peranan dan tanggungjawab seorang intelektual. Konsep ini adalah berdasarkan tiga aspek, iaitu intelektualisme, ideologi dan idealisme. Konsep intelektualisme menjelaskan perbezaan antara istilah 'intelektual' dan ulama untuk mentakrifkan semula fungsi dan peranan intelektual. Aspek ideologi pula ialah seorang rausyanfikir perlu mengembalikan semula semangat Islam menerusi kaedah hermeneutik terhadap syarat ibadah, al-Quran dan hadis. Sementara konsep idealisme ialah seorang rausyanfikir perlu berfikiran 'manusia ideal', iaitu yakin dengan ilmu pengetahuan serta kemampuan diri dan masyarakatnya. Rausyanfikir adalah konsep yang sering dibincangkan oleh Ali Syariati dalam setiap karya dan kuliah. Objektif makalah ini adalah untuk membincangkan pemikiran Ali Syariati berkenaan kepentingan intelektual dan pengaruhnya dalam pemikiran golongan belia sebelum Revolusi Iran 1978. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada sumber sekunder seperti buku dan jurnal. Penulisan makalah ini mendapati bahawa konsep rausyanfikir dalam pemikiran Ali Syariati mempunyai banyak kaitan dengan penjelmaan seorang intelektual yang menyedari isu-isu yang dihadapi oleh masyarakatnya tetapi pada masa yang sama tidak menafikan ajaran Islam dalam kehidupannya.